

# Seri Paduka bangga Kuin lalui proses pemeraksanaan



BALING 11 Jan. - Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah hari ini bertitah melahirkan rasa bangga dengan pencapaian Kolej Universiti Insaniah (Kuin) yang kini melalui proses pemeraksanaan bagi merealisasikan hasrat menjadi universiti penuh.

Titah Tuanku Abdul Halim, proses itu sejajar dengan hasrat kerajaan Kedah yang mahu melihat Kuin muncul sebagai institusi pengajian tinggi Islam berwibawa dan berprestasi tinggi dengan melahirkan graduan berkualiti dan berintegriti.

"Kuin melalui usaha seluruh warganya, berjaya menerima peng-

iktirafan tahap empat iaitu sangat baik dalam perincian markah sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (Setara) 2011 oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

"Beta juga percaya dengan ciri keistimewaan yang tersendiri, mengekalkan komposisi tenaga pengajar yang terdiri daripada cerdik pandai serta ulamak terkemuka dari luar negara terutama (Universiti) Al-Azhar, Kuin akan berjaya menambah bilangan pelajar pada masa akan datang," titah baginda dalam Istiadat Konvokesyen Ke-15 Kuin di kampus Kuala Ketil, dekat sini.

Titah baginda, pengiktirafan itu juga membuktikan peranan Kuin sebagai hab pendidikan antarabangsa

kerana diyakini oleh para graduan asing yang berfungsi sebagai ejen perubahan di negara asal mereka terutama dari dunia ketiga.

Selain itu, Tuanku Abdul Halim juga bertitah baginda sangat mengambil berat akan perpaduan bukan sahaja dalam kalangan orang Islam tetapi seluruh rakyat negara ini.

"Sikap jujur, toleransi dan menghormati orang lain merupakan sikap yang berupaya membawa kepada kejernihan penyatuan hubungan sekali gus memantapkan ummah dalam menghadapi segala bentuk cabaran sama ada dari kalangan ummah itu sendiri atau dunia luar," titah baginda. - BERNAMA

**TUANBU Abdul Halim Mu'adzam Shah berkenan menyampaikan sijil Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan Kepujian (Kewangan dan Perbankan Islam) dan anugerah Jaizah Imtiyaz Sultanah Bahiyah kepada Graduan Kolej Universiti Insaniah (KUIN), Muhammad Ashraf Anuar yang bertongkat roda dalam majlis Istiadat Konvokesyen Kolej Universiti Insaniah (Kuin) di Kampus Induk Kuin Kuala Ketil, Baling, Kedah, semalam. - BERNAMA**